







GARIS PANDUAN

PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)

(PSPi)

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA




Kandungan

1.0	LATAR BELAKANG	1
2.0	TUJUAN	1
3.0	TAFSIRAN	2
4.0	PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)	2
	4.1 Agensi Di Bawah Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI)	2
	4.2 Konsep Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI)	2
	4.3 Pelaksanaan Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI)	3
	4.4 Fungsi dan Peranan Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI)	3
5.0	PERKHIDMATAN PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)	3
6.0	KUMPULAN SASARAN PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)	3-4
7.0	PENGOPERASIAN PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)	4-5
8.0	DISIPLIN DAN KESELAMATAN	5
9.0	PEMAKAIAN	5
10.0	PENUTUP	6





PRAKATA



KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah berjaya menerbitkan **Garis Panduan Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI)** sebagai rujukan dan panduan bagi pelaksanaan Pusat Sehenti Pasca Insiden kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan sesuatu insiden kecemasan.

Pusat Sehenti Pasca Insiden merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai salah satu perkhidmatan susulan oleh pihak JBPM kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan insiden kecemasan melalui kaedah penyelarasan dan koordinasi dengan agensi-agensi bantuan yang lain. Perkhidmatan susulan yang diberikan akan membantu dan meringankan beban yang dihadapi oleh mangsa-mangsa yang terlibat dengan insiden kecemasan. JBPM juga akan berperanan sebagai **Lead Agency** dalam menyelaraskan dan mengkoordinasi dengan agensi-agensi bantuan yang lain di samping sokongan moral (*emotional support*) kepada mangsa-mangsa yang trauma kesan daripada insiden yang dihadapi.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai yang terlibat dalam menyediakan Garis Panduan Pusat Sehenti Pasca Insiden ini.

Sekian, terima kasih.

YAS DATUK WIRA HJ. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



PRAKATA



TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bersyukur kepada Allah S.W.T di atas limpah dan kurnia-Nya, Garis Panduan Pusat Sehati Pasca Insiden (PSPI) dapat diterbitkan dengan jayanya. Garis panduan PSPI ini merupakan suatu panduan dan rujukan yang amat berguna kepada pihak JBPM khususnya dalam melaksanakan bantuan pasca selepas insiden kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam insiden kecemasan.

Pelaksanaan PSPI secara menyeluruh oleh JBPM secara langsung akan membantu serta meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa insiden melalui penglibatan dan kerjasama dari agensi-agensi bantuan yang lain. Pelaksanaan PSPI merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan tanpa melibatkan kos operasi dan diyakini mampu memberikan impak yang positif kepada JBPM. Pelaksanaan PSPI juga akan melengkapkan pusingan tugas JBPM bermula dari berlakunya sesuatu operasi, semasa dan selepas operasi seterusnya ke fasa pasca insiden.

Akhir kata, syabas dan sekalung tahniah kepada semua pegawai yang terlibat yang bertungkus lumus dalam memastikan Garis Panduan PSPI berjaya diterbitkan. Adalah diharapkan, garis panduan ini akan mudah difahami dan dilaksanakan oleh semua pegawai JBPM khususnya dalam menguruskan pusat sehati pasca insiden.

Sekian, terima kasih.

YAS DATO' SOIMAN BIN JAHID

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



PRAKATA



PENOLONG KETUA PENGARAH
BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Garis Panduan Pusat Sehent Pasca Insiden berjaya diterbitkan pada tahun ini. Penerbitan Garis Panduan PSPI (PSPI) ini penting sebagai panduan kepada JBPM dalam memberikan perkhidmatan susulan kepada masyarakat melalui khidmat Pasca Insiden.

JBPM sentiasa memberikan perkhidmatan kebombaan yang terbaik kepada masyarakat terutamanya di dalam operasi pemadaman dan penyelamatan. Justeru pelaksanaan PSPI ini akan melengkapkan lagi peranan dan tanggungjawab komuniti JBPM dalam membantu mangsa-mangsa insiden kecemasan. Cetusan idea pelaksanaan PSPI oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan merupakan suatu idea yang baik dan positif serta diyakini mampu memberikan impak yang besar kepada JBPM.

Penerbitan Garis Panduan PSPI oleh Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat diharapkan dapat memberikan panduan yang jelas dalam tatacara pelaksanaan PSPI di peringkat JBPM.

Akhir kata, sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua pegawai yang terlibat dalam menyedia dan menyiapkan Garis Panduan PSPI ini.

Sekian, terima kasih.

YS TPjB HJ. ZURKARNAIN BIN MOHD KASSIM
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



GARIS PANDUAN PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)

1.0 LATAR BELAKANG

Cetusan Idea dan gesaan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Datuk Rahman Bin Dahlan pada 13 Jun 2013 bagi mewujudkan Pusat Insiden Pasca Insiden (PSPI) telah diberi respon positif oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Pada fasa permulaan pelaksanaan PSPI selepas pada tahun 2014, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor telah dipilih sebagai negeri perintis kepada PSPI dan terbukti PSPI telah memberi impak yang amat positif kepada masyarakat.

Dalam insiden kecemasan pasti ada individu yang berada dalam situasi kesusahan dan penderitaan akibat mengalami kemusnahan harta benda, kehilangan dokumen-dokumen peribadi penting dan lebih serius kehilangan ahli keluarga. Oleh yang demikian, dengan pelaksanaan PSPI oleh jabatan ternyata ia banyak membantu mangsa-mangsa dan masyarakat umumnya memberi reaksi yang positif dan memberangsangkan.

Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI) ditubuhkan inisiatif oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi memberi perkhidmatan susulan kepada mangsa insiden melalui kaedah penyelarasan dan koordinasi dengan agensi-agensi bantuan dan pemulihan serta agensi yang relevan. Mangsa yang dikenalpasti memerlukan bantuan akan dikoordinasikan dan diselaraskan dengan agensi berkenaan mengikut keperluan dan jenis bantuan yang diperlukan.

2.0 TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk memberi panduan dan tatacara pelaksanaan Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI) kepada mangsa sesuatu insiden kecemasan.

3.0 TAFSIRAN

3.1 "Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI)" merupakan pusat yang digerakkan dan diketuai oleh JBPM bersama agensi bantuan dan pemulihan, pejabat ADUN dan Parlimen, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan NGO bagi membantu mangsa sesuatu insiden yang memerlukan. PSPI ini boleh digerakkan di lokasi insiden, balai bomba dan juga mana-mana lokasi yang bersesuaian .

3.2 "Lead agency" ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang mana bertindak menyelaraskan dan koordinasi dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi bantuan dan pemulihan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat ADUN dan



Parlimen atau mana-mana NGO di PSPI bagi menyalurkan khidmat bantuan serta sokongan kepada mangsa sesuatu insiden yang memerlukan.

3.3 “Agensi Bantuan dan Pemulihan” ialah agensi Kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bantuan kebajikan, khidmat kaunseling, logistik dan sebagainya dalam pengurusan bencana negara antaranya Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara, Pihak Berkuasa Tempatan dan Polis Diraja Malaysia.

4.0 PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)

PSPI meliputi beberapa elemen penting dalam pelaksanaannya sebagaimana berikut:

4.1 Agensi di bawah PSPI

Antara agensi-agensi yang terlibat di bawah PSPI adalah seperti berikut:

- 4.1.1 JBPM
- 4.1.2 PDRM
- 4.1.3 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- 4.1.4 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- 4.1.5 Pejabat / Majlis Daerah
- 4.1.6 Agensi Bantuan dan Pemulihan
 - 4.1.6.1 Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
 - 4.1.6.2 Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
 - 4.1.6.3 Jabatan Agama Islam Negeri
 - 4.1.6.4 Lembaga Zakat Negeri
 - 4.1.6.5 Jabatan Imigresen Malaysia
- 4.1.7 Pejabat ADUN / Parlimen setempat
- 4.1.8 *Non Government Organization (NGO)*

4.2 Konsep PSPI

PSPI berfungsi dalam menyalurkan bantuan kepada mangsa insiden berlandaskan kepada konsep seperti berikut:

- 4.2.1 Pengaktifan PSPI dengan kadar segera setelah berlaku sesuatu insiden kecemasan.
- 4.2.2 Keutamaan membantu masyarakat dan komuniti setempat.
- 4.2.3 Pusat kombinasi agensi yang diketuai JBPM dalam membantu mangsa yang berada dalam keadaan kecemasan akibat sesuatu insiden.
- 4.2.4 Sokongan emosi (*emotional support*)
- 4.2.5 Mengkoordinasi dan menyelaras keperluan bantuan kepada mangsa yang berada dalam kecemasan akibat sesuatu insiden.



4.3 Pelaksanaan Pusat Sehati Pasca Insiden (PSPI)

Pelaksanaan PSPI dalam menyelaraskan dan mengkoordinasi mangsa insiden kecemasan adalah seperti berikut:

- 4.3.1 Lokasi insiden.
- 4.3.2 Balai Bomba dan Penyelamat.
- 4.3.3 Lain-lain lokasi.
- 4.3.4 Lokasi atau tempat yang difikirkan sesuai dan perlu oleh pegawai JBPM semasa di lokasi seperti di pusat permindahan atau di mana-mana lokasi yang difikirkan sesuai dengan keadaan semasa.

4.4 Fungsi dan Peranan PSPI

- 4.4.1 Memberi sokongan emosi (*emotional support*) kepada mangsa sesuatu insiden yang berada dalam keadaan sukar dan trauma.
- 4.4.2 Bertindak sebagai pusat pemudahcara kepada mangsa sesuatu insiden kecemasan dengan agensi berkaitan.
- 4.4.3 Mengkoordinasikan dan menyelaraskan mangsa dengan agensi bantuan dan pemulihan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah atau Majlis Daerah, Pejabat ADUN atau Parlimen dan NGO,
- 4.4.4 Sebagai pusat kerjasama JBPM dengan agensi bantuan dan pemulihan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Parlimen dan Pejabat ADUN / Parlimen dan NGO dalam membantu mangsa kecemasan sesuatu insiden.

5.0 PERKHIDMATAN PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Bantuan dan Pemulihan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah atau Majlis Daerah, Pejabat ADUN atau Parlimen di PSPI serta NGO akan menyalurkan perkhidmatan bantuan dan sokongan mengikut skop tugas masing-masing. (*Rujuk Lampiran 1*)

6.0 KUMPULAN SASARAN PSPI

Pelaksanaan PSPI ini disasarkan kepada mangsa bagi kes-kes insiden atau kecemasan seperti berikut:

- 6.1 Mangsa kebakaran yang melibatkan komuniti atau penduduk setempat yang mana pada pengamatan dan difikirkan oleh pegawai bomba wujud keperluan atau kesesuaian dilaksanakan PSPI (contoh mangsa kebakaran yang melibatkan kawasan perumahan atau perkampungan, komuniti peniaga kecil).
- 6.2 Mangsa banjir, ribut, tanah runtuh dan lain-lain bencana alam yang mana pada pengamatan oleh pegawai bomba wujud keperluan atau kesesuaian kepada pelaksanaan PSPI.



- 6.3 Mangsa lain-lain insiden atau kecemasan yang mana berdasarkan pertimbangan dan pengamatan pegawai bomba wujud keperluan serta kesesuaian dilaksanakan PSPI.

7.0 PENGOPERASIAN PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)

Bagi melaksanakan pengoperasian PSPI di negeri-negeri, beberapa langkah perlu diambil bagi memastikan kelancarannya sebagaimana berikut:

- 7.1 Pengarah Negeri bertanggungjawab sepenuhnya mempengerusikan mesyuarat bagi menyelaraskan dan mengkoordinasi PSPI di peringkat negeri bersama agensi yang terlibat. Mesyuarat ini hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun bagi membincangkan hal ehwal PSPI atau apabila wujud keperluan.
- 7.2 Ketua Balai di mana lokasi insiden berlaku bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyelaraskan dan mengawalselia pelaksanaan PSPI di lokasi insiden dan balai atau mana-mana lokasi yang difikirkan perlu.
- 7.3 Ketua Zon bertanggungjawab memastikan pelaksanaan PSPI balai-balai di bawah zon mereka dilaksanakan dengan baik selari dengan matlamat jabatan.
- 7.4 Ketua Balai bertanggungjawab merancang dan menentukan pengaktifan PSPI dilakukan di *station ground* masing-masing.
- 7.5 Pengoperasian PSPI akan dipertingkatkan berdasarkan tahap atau skala sesuatu insiden iaitu balai, daerah dan zon serta negeri.
- 7.6 PSPI merupakan pusat mengkoordinasi dan menyelaraskan bantuan kepada mangsa insiden diketuai JBPM melalui kerjasama dengan agensi bantuan dan pemulihan berdasarkan keperluan atau bantuan yang diperlukan oleh mangsa.
- 7.7 Ketua Balai hendaklah melantik seorang pegawai bagi membantu urusan pentadbiran berkaitan PSPI.
- 7.8 Ketua Zon dan Ketua Balai bertanggungjawab menyalurkan maklumat sesuatu insiden kepada ahli Majlis Tindakan Bencana / Keselamatan peringkat daerah atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen dan NGO melalui pendekatan komunikasi dan aplikasi media sosial seperti *Whatsapp*, *Telegram* dan *WeChat*.
- 7.9 Semua bantuan yang dimohon dan disalurkan kepada mangsa di PSPI akan direkodkan berdasarkan format di **Lampiran 2**.
- 7.10 Tatacara penyaluran dan aliran kerja bagi perkhidmatan bantuan dan sokongan melalui Pusat Sehati Pasca Insiden (PSPI) adalah seperti di **Lampiran 3**.
- 7.11 Rekod dan Pelaporan
 - 7.11.1 Perkhidmatan bantuan yang disalurkan di PSPI direkod menggunakan **Borang PSPI -1**.
 - 7.11.2 Laporan bulanan hendaklah dihantar oleh balai ke Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Negeri berkenaan dengan menggunakan **Borang PSPI-2** seperti di **Lampiran 4**.



- 7.11.3 Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Negeri merupakan urusetia di peringkat negeri dalam hal ehwal PSPI.
- 7.11.4 Laporan bulanan PSPI hendaklah dihantar ke Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat JBPM dengan menggunakan **Borang PSPI-3** seperti di **Lampiran 5**.
- 7.11.5 Laporan tahunan PSPI hendaklah dihantar ke Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat dengan menggunakan Borang PSPI-4 oleh Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat Negeri sebelum atau pada 31 Januari tahun berikutnya seperti di **Lampiran 6**.

8.0 DISIPLIN DAN KESELAMATAN

Dalam melaksanakan PSPI ini elemen disiplin dan keselamatan perlu diberi perhatian sebagaimana berikut:

- 8.1 Semua khidmat bantuan kepada mangsa insiden yang disalurkan oleh PSPI hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berhemah.
- 8.2 Petugas di PSPI hendaklah menjaga tutur kata dan tingkah laku serta sensitiviti mangsa semasa bertugas di PSPI.
- 8.3 Faktor keselamatan mangsa perlu diberi perhatian dan menjadi keutamaan semasa proses penyampaian khidmat bantuan dan sokongan.
- 8.4 Mematuhi mana-mana peraturan atau pekeliling yang berkaitan dengan urusan pelanggan jabatan.
- 8.5 Pegawai yang bertugas di PSPI hendaklah memahami skop tugas agensi bantuan dan pemulihan yang berada di PSPI dalam mengkoordinasi dan menyelaraskan bantuan serta sokongan kepada mangsa yang memerlukan.

9.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini diguna pakai bagi melaksanakan Pusat Sehati Pasca Insiden (PSPI) oleh jabatan meliputi:

- 9.1 Mana-mana bencana, kejadian bukan bencana, kebakaran dan darurat bencana yang dihadiri oleh jabatan yang pada pengamatan wujud keperluan dan kesesuaian.
- 9.2 Ia diguna pakai oleh Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat Negeri, Zon dan Balai semasa mengkoordinasi dan menyelaraskan khidmat bantuan kepada mangsa insiden yang difikirkan memerlukan bantuan.
- 9.3 Garis panduan ini boleh diguna pakai bersama oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dan Pegawai Bomba Bantuan (PBB) dalam menyalurkan khidmat bantuan dan sokongan kepada mangsa.
- 9.4 Tidak dipraktikkan bagi mana-mana kes kebakaran atau insiden kecemasan yang melibatkan pihak swasta seperti kebakaran kilang dan sebagainya.



10.0 PENUTUP

Dengan pelaksanaan PSPI secara menyeluruh di negeri-negeri secara langsung akan dapat membantu mangsa-mangsa insiden seperti kebakaran, bencana dan bukan bencana dalam meringankan kesusahan serta kesengsaraan yang dialami. Ia juga merupakan satu inisiatif yang dilakukan oleh JBPM tanpa melibatkan pertambahan kos operasi yang berimpak tinggi kepada masyarakat. Pendekatan ini bermakna kesempurnaan pusingan tugas JBPM dalam menyalurkan perkhidmatan kepada masyarakat dari bermula sesuatu operasi, semasa operasi berjalan dan fasa akhir operasi tetapi kesinambungan diteruskan ke fasa pasca insiden kepada masyarakat.



FUNGSI DAN PERANAN AGENSI DI PSPI

BIL	AGENSI	PERKHIDMATAN
1.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	<u>Khidmat Bomba Pasca Insiden (KBPI)</u> - Mempercepatkan dan memudahkan SLKK. - Sokongan emosi (<i>emotional support</i>) - Koordinasi dan selaras mangsa dengan agensi bantuan pemulihan serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang diperlukan. - Rawatan awal kepada mangsa, ahli keluarga mangsa dan lain-lain mangsa terlibat. - Penghormatan majlis keagamaan kepada mangsa. - Lain-lain sokongan dan bantuan mengikut keperluan.
2.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	- Salinan Laporan Polis bagi kes kebakaran. - Salinan Laporan Polis bagi kemusnahan dan kehilangan dokumen penting dalam sesuatu insiden, bencana dan bukan bencana.
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	- Bantuan makanan - Bantuan tempat perlindungan sementara. - Bantuan pakaian. - Bantuan persekolahan - Lain-lain bantuan dan perkhidmatan berkaitan dengan agensi.
4.	Majlis Daerah / Pejabat Daerah	- Sokongan emosi (<i>emotional support</i>) - Salinan geran tanah dan rumah. - Lain-lain bantuan dan perkhidmatan berkaitan agensi.



5.	Agensi Bantuan dan Pemulihan	
	5.1 Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	1. Mendapatkan salinan lesen memandu. 2. Mendapatkan salinan cukai jalan. 3. Mendapatkan salinan geran kenderaan. 4. Lain-lain bantuan dan perkhidmatan berkaitan agensi.
	5.2 Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	1. Mendapatkan salinan surat beranak, 2. Mendapatkan surat nikah-cerai (non muslim) 3. Mendapatkan kad pengenalan. 4. Lain-lain bantuan dan perkhidmatan berkaitan dengan agensi.
	5.3 Jabatan Imigresen Malaysia	1. Mendapatkan salinan pasport. 2. Lain-lain bantuan dan perkhidmatan berkaitan dengan agensi.
	5.4 Jabatan Agama Islam	1. Mendapatkan salinan surat nikah dan cerai. 2. Salinan Kad Perakuan Nikah. 3. Lain-lain bantuan dan perkhidmatan berkaitan dengan agensi.
	5.5 Lembaga Zakat Negeri	1. Bantuan kewangan. 2. Lain-lain bantuan dan perkhidmatan berkaitan dengan agensi.
6.	Lain-lain Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Bantuan sokongan dan perkhidmatan yang relevan dengan skop tugas / peranan PBT.
7.	Pejabat ADUN / Parlimen	Perkhidmatan bantuan dan sokongan ditentukan oleh badan berkenaan.
8.	NGO	Perkhidmatan bantuan dan sokongan ditentukan oleh badan berkenaan.



BORANG PSPI - 1

BORANG MOHON BANTUAN PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)

(A) LATAR BELAKANG MANGSA

i. Nama :

ii. No Kad Pengenalan : (L)
 (B)

iii. Alamat Untuk Dihubungi :

Daerah

Poskod

Negeri

iv. No. tel untuk dihubungi : (R) : -
 (HP) : -

(B) INSIDEN

i. Tarikh : Hari Bulan Tahun

ii. Masa : Jam Minit

iii. Jenis Insiden : ☐ Kebakaran ☐ Bencana Alam ☐ Kemalangan
☐ Lain-lain (nyatakan :)

(C) JENIS KHIDMAT SOKONGAN DAN BANTUAN YANG DIPERLUKAN MANGSA

.....



(D) TANDATANGAN PEMOHON

Tandatangan :

Nama Pemohon:

Tarikh :

(E) ULASAN PEGAWAI JBPM

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Nama Pegawai Bomba:


Tandatangan :

Tarikh :

*Pegawai bomba yang ditugaskan di Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI)



CARTA ALIRAN GERAK KERJA

PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI) BAGI MENYALURKAN
KHIDMAT SOKONGAN DAN BANTUAN

LAMPIRAN 4

BORANG PSPI - 2

**STATISTIK BULANAN
PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)
(BALAI)**

BULAN: **TAHUN:** 20

PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI):
(Nyatakan Lokasi Insiden)

Balai:

Zon :

A. MAKLUMAT PELAKSANAAN BANTUAN PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN PSPI

[illegible]

B. STATISTIK KHIDMAT PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)

Bil	Tarikh	Jumlah PSPI dibuka di lokasi Insiden (nyatakan)	Jumlah mangsa dibantu PSPI di Lokasi Insiden (nyatakan)	Jumlah Mangsa Dibantu PSPI di Balai	Agensi Bantuan dan Pemulihan Terlibat / Lain-lain PBT, Pejabat Politik Setempat (nyatakan)
JUMLAH KESELURUHAN TERKUMPUL BULANAN					



C. PEGAWAI PENYEDIA LAPORAN

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Tarikh :

D. PENGESAHAN KETUA BALAI

Tandatangan :

Nama Ketua Balai :

Tarikh :

BORANG PSPI - 3

**STATISTIK BULANAN NEGERI
PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)**

BULAN: TAHUN: 20

JBPM Negeri:

A. PELAKSANAAN KHIDMAT SOKONGAN DAN BANTUAN

[illegible]

B. STATISTIK PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)

Bil	Tarikh	Jumlah Mangsa Hadir & Memohon Khidmat Sokongan dan Bantuan di PSPI (nyatakan)	Jumlah PSPI Diaktifkan Lokasi Insiden (nyatakan)	Agensi Bantuan Dan Pemulihan Terlibat / Lain-lain PBT, Pejabat ADUN, Parlimen, NGO Terlibat (nyatakan)
JUMLAH KESELURUHAN TERKUMPUL BULANAN				



C. PEGAWAI PENYEDIA LAPORAN

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Tarikh :

D. PENGESAHAN PENOLONG PENGARAH OPERASI NEGERI (PPON)

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :



BORANG PSPI - 4

LAPORAN TAHUNAN
PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)

NEGERI:

A. STATISTIK PELAKSANAAN PUSAT SEHENTI PASCA INSIDEN (PSPI)

Bil	Bulan	Jumlah Mangsa Insiden Mohon / Perlu Khidmat Sokongan dan Bantuan		Jumlah Pusat Sehenti Pasca Insiden (PSPI) Dibuka di Lokasi Insiden	Jumlah Agensi Bantuan dan Pemulihan / PBT Terlibat, Pejabat ADUN, Parlimen, NGO di PSPI
		PSPI Lokasi Insiden	PSPI Balai		
1.	Januari				
2.	Februari				
3.	Mac				
4.	April				
5.	Mei				
6.	Jun				
7.	Julai				
8.	Ogos				
9.	September				
10.	Oktober				
11.	November				
12.	Disember				
JUMLAH KESELURUHAN TERKUMPUL TAHUNAN					

B. STATISTIK PELAKSANAAN KHIDMAT SOKONGAN DAN BANTUAN MENGIKUT INSIDEN DI PSPI

Bil	Bulan	Jenis Khidmat Sokongan dan Bantuan Disalurkan Mengikut Insiden di PSPI			Jumlah
		Pemadaman	Penyelamatan	Lain-lain	
1.	Januari				
2.	Februari				
3.	Mac				
4.	April				
5.	Mei				
6.	Jun				
7.	Julai				
8.	Ogos				
9.	September				
10.	Oktober				
11.	November				
12.	Disember				
JUMLAH KESELURUHAN TERKUMPUL TAHUNAN					



C. PEGAWAI PENYEDIA LAPORAN

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Tarikh :

D. PEGAWAI MENGESAHKAN LAPORAN

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Tarikh :

*Penolong Pengarah Operasi Negeri (PPON) / Ketua Cawangan Pengurusan Operasi Dan Balai



RUJUKAN

i	Arahan MKN No. 20	Majlis Keselamatan Negara (MKN)
ii	Guide To Fire Recovery	Canadian Red Cross
iii	After The Fire	The Houston Fire Department
iv	What To Do After The Fire Is Out	Kittitas County Fire Marshal
v	After the Fire : Returning To Normal	FEMA, U.S Fire Administration
vi	After the Fire : What To Do Next	NSW Fire Brigades



PENGHARGAAN

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas sumbangan dan perkongsian maklumat di dalam menjayakan penerbitan Garis Panduan Pusat Sehent Pasca Insiden (PSPI) ini.

1	YAS Datuk Wira Hj. Wan Mohd Noor bin Hj. Ibrahim	Ketua Pengarah, JBPM
2	YAS Dato' Soiman bin Jahid	TKP (Operasi), JBPM
3	YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof	TKP (Pembangunan), JBPM
4	YS TPjB Hj. Zurkarnain bin Mohd Kassim	PKP, Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM
5	YS TPjB Dato' Rusmani bin Muhamad	PKP, Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM
6	YS PKPjB Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid	PKP, Bahagian Latihan, JBPM
7	YS PKPjB Edwin Galan Teruki	PKP, Bahagian Penyiasatan Kebakaran, JBPM
8	YS PKPjB Othman bin Abdullah	Pengarah, JBPM Negeri Selangor
9	PKPjB Hj. Zamri bin Che Din	Ketua Sekyen Pengurusan Operasi, JBPM
10	YS PPjB Siti Rohani bin Nadir	PKP, Bahagian Pengurusan Korporat
11	PPjB Abdul Razak bin Muda	Komandan, ABPM Wakaf Tapai
12	PPjB Hj. Jamil bin Saadon	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM
13	PPjB Pauzan bin Ahmad	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM
14	PPjB Syufa'at bin Kamaron	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM
15	PgKB I Mohd Sani bin Harul	Penolong Pengarah Operasi Negeri (PPON), JBPM Selangor
16	PgKB I Mohd Khairiri bin Arshad	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM
17	PgKB I Endi Sherimi bin Adzmi	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM
18	PgKB I Hj. Sharikan bin Bustaman	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM
19	PgB Mohd Fadzil bin Yusoff	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM
20	PgB Khir Amir bin Ahmad	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM
21	PgB Ahmad Faizol bin Che Mud@Hashim	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM
22	PgB Mohd Haikal bin Hj. Md. Kasri	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250 PUTRAJAYA, MALAYSIA

TEL : 603-8888 0036
FAKS : 603-8888 0840
www.bomba.gov.my